



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

## PROGRAM JUALAN RAHMAH BERGANDA UNTUK WARGA NEGERI PERLIS

**KANGAR, 18 NOVEMBER 2023-** Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup hari ini telah merasmikan **Program Jualan RAHMAH Berganda** yang merangkumi **Pesta Aiskrim RAHMAH Mokti's** dan **Jualan RAHMAH Pasar Raya JMart Fresh & Frozen** yang berlangsung selama dua (2) hari mulai 18 hingga 19 November 2023 di Perkarangan Pasar Raya JMart, Kangar Jaya, Perlis.

2. **Program Jualan RAHMAH Berganda** yang merangkumi **Pesta Aiskrim RAHMAH Mokti's** bertujuan menyambut seruan Kerajaan untuk **menawarkan produk pada harga yang berpatutan** bermula pada **RM1.50 bagi tub 3Oz, RM2.50 bagi tub 100ML, RM4.00 bagi tub 500ML, dan RM23.00 bagi tub 6L.**

3. Di samping itu, Mokti's menawarkan pelbagai perisa baru edisi terhad yang dihasilkan khas untuk Pesta ini. Antara perisa yang ditawarkan khas sempena pesta ini adalah seperti Biscoff, Cookies & Cream, Hazel Kakao, Matcha, Kurma Bob, dan pelbagai lagi.

4. Seterusnya, **Program Jualan RAHMAH Pasar Raya JMart Fresh & Frozen** ini merupakan kerjasama strategik antara KPDN Perlis buat julung kalinya bersama Syarikat Borong Borong Cash and Carry Sdn. Bhd.

5. Terdapat **dua puluh (20) barangan keperluan pengguna yang ditawarkan sepanjang program berlangsung.** Antara barangan yang ditawarkan adalah ayam segar, sayur-sayuran, telur ayam, beras import, minyak masak, sabun kain, sabun mandi, tepung gandum dan lain-lain lagi. Kadar pengurangan harga dari 10% sehingga 30% dari harga pasaran semasa.

6. Untuk makluman umum, sehingga 18 November 2023, **Program Jualan RAHMAH** telah dilaksanakan di **161 lokasi di seluruh Negeri Perlis**. Pecahan mengikut model iaitu **dalam premis sebanyak 52 lokasi, di luar premis (premium) sebanyak 29 lokasi** dan **secara bergerak sebanyak 80 lokasi** dengan **bilangan pengunjung melebihi 159 ribu orang**. Manakala penganjuran **PJR** di seluruh negara pula telah merekodkan kehadiran **melebihi lima (5) juta orang**.

7. Turut berlangsung pada, majlis penyampaian sumbangan berbentuk hamper kepada **tiga puluh (30) orang anak yatim** daripada **Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Perlis, Kompleks Penyayang Dr. Siti Hasmah**. Selain itu, Program ini turut menawarkan aktiviti menarik seperti 'mini games', pendaftaran ahli JMart dan hadiah istimewa untuk pengunjung bertuah.

8. **KPDN Negeri Perlis** merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan **Program Jualan RAHMAH Berganda**. Seterusnya, **KPDN** mengajak dan menggalakkan lebih ramai lagi pemain industri khususnya hypermarket dan pasar raya supaya dapat bersama-sama menjayakan aspirasi ini dalam mengurangkan tekanan terhadap kos sara hidup rakyat.

**YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BT SALLEH,  
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP,  
KANGAR, PERLIS, 18 NOVEMBER 2023.**

**###**

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam Negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampun sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam mengurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:

